

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
PEMBANTU AWAM**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

- (a) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- (b) Menjalankan tugas penyelamat (lifeguard) di kawasan kolam renang.
- (c) Menjalankan tugas pemanduan enjin sangkut/ motobot.
- (d) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek tugas am bersifat *hands-on* serta sokongan teknikal dan pembaikan kerosakan kecil

- (a) Bertanggungjawab dalam tugas-tugas persiapan dan logistik sebelum dan selepas majlis rasmi atau mesyuarat seperti alat siaraya dan kerusi/meja.
- (b) Membersih dewan/ bangunan/bilik-bilik mesyuarat berkaitan.
- (c) Menyedia dan mengangkut peralatan/barang-barang ke tapak kerja.
- (d) Membersihkan tapak kerja serta mengangkut sampah sarap dari tapak kerja selepas selesai tugas.
- (e) Melaksanakan lain-lain tugas jenis lain seperti pembersihan longkang, pemotongan rumput dan dahan pokok serta tugas-tugas landskap serta keceriaan kawasan.
- (f) Memastikan peralatan/ ruang kerja yang berada di bawah pengawasan sentiasa berada dalam keadaan bersih, teratur, selamat serta dapat beroperasi dengan baik untuk digunakan pada bila-bila masa.
- (g) Menjalankan pemeriksaan harian/ berkala ke atas peralatan/ ruang kerja yang berada di bawah pengawasan.
- (h) Menerima dan merekod aduan kerosakan dari pelanggan.

- (i) Membantu menjalankan kerja-kerja penyenggaraan dan membaik pulih kerosakan kecil.
- (j) Membantu kerja-kerja sokongan teknikal berkaitan elektrik dan elektronik, penanaman pokok, penyemaian benih, akuakultur dan lain-lain yang berkaitan.
- (k) Tugasan *hands-on* lain terutamanya yang dijalankan di luar kawasan pejabat.

4.2 Aspek tugas penyelamat di kolam renang awam

- (a) Menjalankan tugas penyelamat (lifeguard) di kawasan kolam renang awam.
- (b) Bertanggungjawab ke atas keselamatan semua pengguna kolam renang awam.
- (c) Memasukkan bahan kimia ke dalam kolam bagi memelihara dan memastikan mutu air kolam berada dalam keadaan selamat untuk digunakan.
- (d) Memastikan kebersihan kawasan kolam renang dan kadar pH air kolam renang selamat digunakan.
- (e) Memastikan semua peralatan kolam seperti peralatan penyelamat dan motor pam berada di dalam keadaan selamat untuk digunakan.

4.3 Aspek pemanduan motobot/ enjin sangkut

- (a) Melibatkan tugas pemanduan dan pengendalian motobot/enjin sangkut di kawasan perairan tempatan termasuk sungai dan tasik.
- (b) Memastikan bot dan peralatannya berada dalam keadaan bersih dan selamat digunakan.
- (c) Memastikan keselamatan penumpang, aset kerajaan, keselamatan pelayaran serta mencegah pencemaran laut/perairan semasa pengendalian motobot/enjin sangkut.
- (d) Memastikan motobot/enjin sangkut disenggara mengikut jadual.

5. HUBUNGAN KERJA

- (a) Rakan sekerja di bahagian/ unit cawangan yang sama
- (b) Pegawai atasan
- (c) Orang awam

6. PERSEKITARAN KERJA

Kawasan dalam serta luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- (a) Berkebolehan menggunakan sumber dengan baik.
- (b) Berkebolehan mengendalikan peralatan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan kecil.
- (c) Berkebolehan berkomunikasi dengan berkesan.
- (d) Berkebolehan mengurus masa.
- (e) Kemahiran berenang.
- (f) Kemahiran pertolongan cemas.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- (a) Bersih, cekap dan amanah.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Bekerjasama.
- (d) Kompeten dan teliti.
- (e) Fizikal yang sihat dan cergas.

9. ANCAMAN/BAHAYA

Terdedah kepada kemalangan kecil semasa menjalankan tugas.